

BAB 2

RIWAYAT HIDUP IBN AL- QAYYIM DAN PENGENALAN KITAB *SHIFĀ'* *AL-'ALĪL FĪ MASĀ'IL AL-QADĀ' WA AL-QADAR*

2.0 Pendahuluan

Ibn al-Qayyim merupakan salah seorang tokoh ulama terkemuka yang memiliki ilmu yang luas dan fikiran yang cemerlang. Untuk mendapatkan pengetahuan yang mendalam serta kefahaman yang sebenar mengenai pemikiran beliau berkenaan dengan isu-isu asas dalam perbincangan sekitar qada' dan qadar melalui kitab beliau yang bertajuk *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qadā' wa al-Qadar*, maka dalam kajian ini penulis memandang perlu kiranya untuk membentangkan beberapa perkara berkenaan dengan riwayat hidup Ibn al-Qayyim beserta pengenalan secara ringkas mengenai kitab *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qadā' wa al-Qadar*.

2.1 Riwayat Hidup Ibn al-Qayyim

Peribadi manusia dibentuk oleh beberapa faktor dan unsur. Latar belakang keluarga dan pendidikan yang diperolehi merupakan faktor yang sangat penting. Namun keadaan persekitaran dan suasana masyarakat turut berperanan dalam pembinaan sahsiah manusia. Justeru itu bagi menyelami corak pemikiran Ibn al-Qayyim, perlulah juga diketahui tentang persekitaran masyarakatnya sama ada di sudut politik, ekonomi, sosial mahupun keilmuannya. Di samping pengetahuan mengenai pengajian, guru-guru, murid-murid serta karya-karyanya.

2.1.1 Suasana Semasa Ibn al-Qayyim

Suasana persekitaran memiliki pengaruh yang cukup besar dalam kehidupan seseorang, tidak terkecuali dalam kehidupan Ibn al-Qayyim. Kerana itu, dalam perbincangan mengenai riwayat hidup beliau, penulis merasa perlu membahaskan secara ringkas suasana politik, keilmuan, ekonomi serta kemasyarakatan beliau hidup.

2.1.1.1 Suasana Politik

Ibn al-Qayyim hidup di akhir abad ke-7 dan di awal abad ke-8 Hijriyah, tepatnya pada tahun 691 H hingga tahun 751 H. Pada masa itu peta politik negeri-negeri Islam sangat lemah, para tentera Salibis Eropah menyerang perairan Sham, mendudukinya serta menguasai sebahagian besar bandarnya. Bandar ‘Akā (di Palestin) pun jatuh, sejumlah besar kaum muslimin dibunuh dan disiksa. Kemudian para penjajah memasuki Bait al-Maqdis, merosakkan bangunan dan melakukan kemungkaran di sana.¹

Di sisi lain, di sebelah utara, negeri Islam berhadapan dengan serangan dari tentera Mongol (Tartar) yang mengakibatkan kejatuhan Baghdād yang menjadi ibu kota Daulah ‘Abbāsiyah ketika itu, serta kejatuhan kekhalifahan ke tangan Hulāku Khān al-Tartarī. Orang-orang Tartar pun sepenuhnya menguasai Baghdād, membuat kerosakan serta membunuh ramai umat Islam, sehingga bandar Baghdād menjadi banjir darah dan air mata.²

Peperangan antara kaum muslimin dengan kaum Salibis Eropah dan tentera Tartar terus berlanjutan. Pada tahun 658 H, bandar Damshik (tempat kelahiran Ibn al-Qayyim) dapat dikuasai tentera Tartar. Mereka merosak bandar, menghancurkan masjid-masjid serta membunuh ramai nyawa. Belum berapa lama tentera Tartar menguasai Damshik, umat Islam kembali bangkit dan menyatukan barisan, kemudian

¹ Hijāzī, (1972), *Ibn Qayyim wa Mawqīfuh Min al-Tafkīr al-Islāmī*, h. 19-21. Lihat juga al-Miṣrī, Jamīl ‘Abd Allāh Muḥammad (1986), *Ḥāḍir al-‘Ālam al-Islāmī wa Qaḍāyāh al-Mu‘āṣarah*, j. 1, Madinah: al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah, h. 55-67.

² *Ibid*,

datanglah tentera umat Islam dari Mesir di bawah pimpinan Mālik Muẓaffar Sayf al-Dīn Quṭuz, Sulṭān Mesir. Terjadilah peperangan antara umat Islam dengan tentera Tartar yang terkenal dengan nama perang ‘*Ayn Jalūt*’³ yang membuahkan kemenangan di kalangan umat Islam. Quṭuz pun memasuki Damshik dengan bendera kemenangan. Sejak saat itu Sham bersatu dengan Mesir di bawah pemerintahan Daulah Mamālik. Salah satu sejarah penting dalam peta politik umat Islam saat itu ialah, berpindahnya kekhalifahan ‘Abbāsiyah (yang mulanya di Baghdād) ke Mesir pada masa Sulṭān Zāhir Bibris tahun 659 H.⁴

Demikianlah, suasana politik umat Islam pada masa itu, mereka mengalami pelbagai peristiwa tragis dan menakutkan sebagai akibat dari perpecahan yang terjadi di antara mereka serta menjauhnya kehidupan mereka dari ajaran-ajaran agama Islam.⁵ Suasana seperti inilah yang memberikan motivasi tersendiri dalam diri Ibn al-Qayyim dan gurunya Ibn Taymiyyah untuk mengajak umat Islam agar mereka kembali kepada ajaran Islam yang sebenar yang merujuk kepada al-Qur’an dan hadith.

2.1.1.2 Suasana Ekonomi dan Kemasyarakatan

Peperangan yang terus menerus mengancam negeri Islam tidak sahaja melemahkan politik umat Islam ketika itu, namun ia juga menjejaskan perpecahan di antara mereka. Di antara sejarah yang paling menonjol dari Daulah Mamālik adalah perselisihan yang terjadi di antara para *umarā*’ dan para sulṭān, hingga para *umarā*’ bersekutu dan bersatu padu untuk membunuh Sulṭān, sepertimana yang terjadi dengan Sulṭān Sayf al-Dīn Quṭuz dan Mālik Ashraf Khalīl dan banyak lagi lainnya.⁶

³ Lihat Ibn Kathīr, Abū al-Fida’ al-Ḥāfiẓ (1998), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, (Taḥqīq) al-Turkī, ‘Abd Allāh b. ‘Abd Allāh al-Muḥsin, j. 17. Giza: Dār Ḥijr, h. 395-404.

⁴ Ḥijāzī, (1972), *Ibn Qayyim wa Mawqūfuh Min al-Taḥkīm al-Islāmī*, h. 21-22; Sharf al-Dīn (1984), *Ibn al-Qayyim: ‘Aṣruḥ wa Manhajuh wa Arā’uh*, h. 13-15.

⁵ Al-’Usairy, Aḥmad (2007), *Sejarah Islam*, Samson Rahman (terj.), Jakarta: Penerbit Akbar, h. 302.

⁶ Ḥijāzī (1972), *Ibn Qayyim wa Mawqūfuh Min al-Taḥkīm al-Islāmī*, h. 24-27.

Di sisi lain, keadaan ekonomi dan sosial masyarakat semakin kacau dan tidak terkawal, kelaparan dan kemarau melanda hampir merata di seluruh negeri yang diduduki umat Islam. Harga bahan pokok, seperti: gandum, beras, sayur-sayuran dan sebagainya menjadi sangat mahal, kerana sedikitnya produksi pertanian. Penyakit sosial, seperti: kecurian, rompakan dan penipuan semakin marak terjadi sehingga setiap orang hidup dengan keadaan penuh ketakutan dan kecemasan.⁷

Tidak hanya itu, perselisihan antar mazhab dan golongan agama semakin meruncing. Salah satu contoh pertikaian mazhab yang terbesar di masa itu ialah perselisihan yang terjadi di antara mazhab Rāfiḍah dan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang banyak mendatangkan kerugian baik harta mahupun nyawa.⁸ Keadaan seperti ini juga yang membuat semangat Ibn al-Qayyim semakin kuat untuk mempersatukan umat, menghilangkan perbezaan mazhab dengan kembali kepada sumber yang sebenar iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah.

2.1.1.3 Suasana Keilmuan

Meskipun keadaan politik dan ekonomi umat Islam pada masa dinasti Mamālik berada pada titik yang lemah, namun tidak demikian dengan keadaan budaya dan keilmuan. Pemerintah Mamālik sangat memahami bahawa ilmu adalah asas negara. Mereka melakukan beberapa usaha untuk mengembangkan keilmuan umat Islam ketika itu, dengan cara memberikan sokongan penuh terhadap kemajuan ilmu, menubuhkan masjid-masjid dan madrasah, mendekati para ulama dan guru, memberikan penghargaan serta ganjaran kepada mereka. Memberikan beasiswa bagi para penuntut ilmu dalam

⁷ *Ibid*,

⁸ Lihat Ibn Kathīr (1998), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, j. 17, h. 358-360; al-Sirmirī, Abī al-Muẓaffār Yūsuf b. Muḥammad (1992), *al-Ḥamiyyah al-Islāmiyyah fī al-Intiṣār li Madhhab Ibn Taymiyyah*, (Taḥqīq) Aḥmad, Ṣalāḥ al-Dīn Maqbūl, New Delhi: Majma' al-Buhūth al-'Ilmiyyah al-Islāmiyyah, h. 11-12.

proses belajar mereka, serta mendorong orang-orang kaya untuk mendermakan sebahagian harta mereka untuk menyokong kemajuan di bidang ilmu.⁹

Para pemimpin Mamālik juga menyedari bahawa umat Islam telah banyak kehilangan warisan keilmuan sejak jatuhnya bandar Baghdād, kerana itu mereka berusaha mengambil hati rakyat dengan menjadikan *jāmi'* (masjid) sebagai pusat pengajaran. Di antara *jāmi'* terpenting di Mesir yang menjadi rujukan para penuntut ilmu ketika itu ialah: *Jāmi'* 'Amru b. Āṣ, *Jāmi'* Ibn Ṭulūn, *Jāmi'* al-Azḥar dan *Jāmi'* al-Ḥākim.¹⁰

Selain daripada itu, mereka juga menggunakan madrasah untuk tujuan yang sama. Mereka menubuhkan banyak madrasah. Di antara madrasah terpenting di Mesir pada masa itu ialah: madrasah al-Ṣalāḥiyyah yang ditubuhkan oleh Sulṭān Ṣalāḥ al-Dīn al-Ayyūbī, madrasah Kāmiliyyah yang dinisbahkan kepada Mālik al-Kāmil, madrasah Zāhiriyyah yang dinisbahkan kepada Zāhir Bibris, madrasah Manṣūriyyah yang dinisbahkan kepada al-Manṣūr Qalāwun dan madrasah Nāṣiriyyah yang dinisbahkan kepada Mālik Nāṣir Muḥammad Ibn Qalāwun. Manakala madrasah yang terletak di Damshik di antaranya ialah: madrasah Zāhiriyyah yang ditubuhkan oleh Mālik Zāhir dan madrasah al-Ādiliyyah al-Kubrā yang dinisbahkan kepada Mālik al-Ādil.¹¹

Di samping *jāmi'* dan madrasah, gerakan keilmuan pada masa itu ditandai juga dengan munculnya pelbagai karangan buku, khususnya buku-buku di bidang shari'ah al-Islāmiyyah dan bahasa Arab. Ulama al-Shāfi'iyyah mengeluarkan buku-buku di bidang Fiqh dan Usuludin, begitu juga dengan al-Ḥanābilah, al-Mālikiyyah dan al-Ḥanafīyyah.

Beberapa karya di bidang Tafsir, 'Ulūm al-Qur'an, Hadith, Mustalāḥ Hadith, Akidah serta Tasawuf juga ramai ditulis pada masa ini. Di antaranya: Buku *al-Ḥikam*

⁹ Lāshyn, 'Abd al-Fattāḥ (1982), *Ibn al-Qayyim wa Hissuh al-Balāghī fī Tafsīr al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Rā'id al-'Arabī, h. 19.

¹⁰ *Ibid*,

¹¹ *Ibid*,

al-‘Aṭā’iyyah karya Ibn ‘Aṭā’illah, *Shifā’ al-‘Alīl fī Masā’il al-Qadā’ wa al-Qadar*, *Madārij al-Sālikīn*, *Miftāh Dār al-Sa‘ādah* karya Ibn al-Qayyim, *Sharḥ al-‘Umdah* karya Taqī al-Dīn serta beberapa buku karangan Ibn Taymiyyah, di antaranya ialah: *al-Furqān Bayn Awliyā’ al-Raḥmān wa Awliyā’ al-Shayṭān*, *al-Tuḥfah al-‘Irāqiyyah*, *Risālah fī al-Qadā’ wa al-Qadar* dan sebagainya.¹²

Manakala dalam bidang bahasa Arab, seperti Nahwu dan Sarf, muncullah pelbagai kitab, di antaranya: kitab *al-Alfiyyah* karya Jamāl al-Dīn Ibn Mālik al-Andalūsī, kitab *al-Mughnī al-Labīb ‘an Kutub al-A‘arib* karya Jamāl al-Dīn Hishām al-Maṣrī, *Asrār al-Balāghah* dan *Dalā’il al-I’jāz* karya al-Jurjānī serta *Lisān al-‘Arab* karya Ibn Manẓūr. Pada masa ini ditulis juga kitab-kitab *ma‘ājim* (biografi), di antaranya: *Wafiyāt al-A’yān* karya Ibn Khallikān dan *al-Wāfī bi al-Wafiyāt* karya al-Ṣafādī, dan juga kitab-kitab Tarikh seperti: *al-Mukhtaṣar fī Akhbār al-Bashar* karya Abī al-Fidā’ dan *al-Nihāyah wa Bidāyah* karya Ibn Athīr.¹³

Dalam suasana seperti inilah Ibn al-Qayyim membesar, kecintaan beliau terhadap ilmu pengetahuan, serta kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu menghantarkan beliau menjadi salah seorang ulama yang berkualiti dan memiliki banyak karya dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan.

2.1.2 Nama Penuh dan Kelahiran

Nama lengkap beliau ialah Abū ‘Abd Allāh Shams al-Dīn Muḥammad b. Abū Bakr b. Sa‘ad b. Harīz b. Makkī Zayn al-Dīn al-Zur‘ī, al-Dimasqī, al-Ḥanbalī yang terkenal dengan nama Ibn al-Qayyim.¹⁴ Nama Ibn al-Qayyim diambil dari nama sebutan ayahanda beliau, *Qayyim al-Jawziyyah* yang merupakan salah seorang tokoh penting di

¹² Sharf al-Dīn (1984), *Ibn al-Qayyim: ‘Aṣruḥ wa Manḥajuh wa Arā’uh*, h. 56-57.

¹³ *Ibid*,

¹⁴ Abū Zayd, Bkr b. ‘Abd Allāh (1423 H), *Ibn Qayyim al-Jawziyyah: Ḥayātuh wa Athāruḥ wa Mawāriduh*, c. 2, al-Riyāḍ: Dār al-‘Āshimah. h. 17, Ibn ‘Imād, Abī al-Falāḥ ‘Abd al-Ḥayy (t.t.), *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār min Dhahab*, (Taḥqīq) Muḥammad. ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā, j. 6, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 352; Ibn Ḥajar, Aḥmad b. ‘Alī b. Muḥammad (1972), *al-Durar al-Kāminah fī A’yān al-Mi‘ah al-Thāminah*, (Taḥqīq) Muḥammad, ‘Abd al-Mu‘īd, j. 5, c. 2, Hyder Abad: Maṭba‘ah Dā’irah al-Ma‘ārif, h. 137; al-Ṣafādī, Ṣalāḥ al-Dīn Abū al-Ṣafā (1949), *al-Wāfī bi al-Wafiyāt*, j. 2, Istanbul: Maṭba‘ah Wizārah al-Ma‘ārif, h. 270.

sekolah al-Jawziyyah, iaitu sekolah *al-Hanābilah* terbesar yang dibina oleh Muḥyi al-Dīn b. al-Ḥāfiẓ Abū al-Farj ‘Abd al-Raḥmān al-Jawzī di Bandar Damshik.¹⁵

Terdapat beberapa tokoh yang mempunyai nama yang sama dengan Ibn al-Qayyim, di antaranya ialah: Ibn Qayyim al-Miṣrī, yang mempunyai nama lengkap, Bahā’ al-Dīn ‘Alī b. ‘Īsā b. Sulaymān al-Tha‘labī al-Miṣrī, seorang tokoh Hadith yang meninggal dunia di Mesir pada tahun 710 H. Ibn al-Jawzī, iaitu Abū al-Faraj ‘Abd al-Raḥmān b. al-Jawzī al-Ḥanbalī, seorang faqīh, ahli hadith, dan sejarawan. Pengarang kitab “*Daf‘ al-Shubhah al-Tashbīh, al-Mughnī, Jāmi’ al-Masānīd* dan sebagainya. Beliau dilahirkan pada tahun 510 H/1126 M dan meninggal dunia di Baghdād pada tahun 597 H/1200 M.¹⁶

Ibn al-Qayyim dilahirkan pada 7 Safar 691H/9 Januari 1292 M di Damshik¹⁷ dan meninggal dunia di tempat yang sama pada waktu isya’, malam khamis, tarikh 13 Rajab tahun 751H/1350M dalam usia 60 tahun.¹⁸ Beliau dibesarkan dalam suasana persekitaran keilmuan yang kondusif, iaitu dari keluarga yang mementingkan dan mencintai ilmu pengetahuan. Ayahnya adalah guru pertama yang telah mengajarkan kepadanya ilmu-ilmu asas Islam termasuk Ilmu al-Fara’id.¹⁹ Di samping itu, ayah beliau adalah seorang yang soleh dan taat beribadah, ia meninggal dunia pada hari ahad, tarikh 19 Dzulhijjah tahun 723 H di Sekolah al-Jawziyyah.²⁰

¹⁵ Ibn Rajab, Zayn al-Dīn Abū al-Farj ‘Abd al-Raḥmān b. Shihāb al-Dīn Aḥmad al-Baghdādī (2005), *al-Dhayl ‘alā Ṭabaqāt al-Hanābilah*, (Taḥqīq) al-‘Uthaymin, ‘Abd al-Raḥmān b. Sulaymān, j. 5, al-Riyāḍ: Maktabah Obekan, h. 170; Abū Zayd (1423 H), *Ibn Qayyim al-Jawziyyah*, h. 23; Sharf al-Dīn (1984), *Ibn al-Qayyim: ‘Aṣruḥ wa Manhajuh wa Arā’uh*, h. 67.

¹⁶ Ḥijāzī (1972), *Ibn Qayyim wa Mawqūfuh Min al-Taḥkīr al-Islāmī*, h. 36; Sharf al-Dīn (1984), *Ibn al-Qayyim: ‘Aṣruḥ wa Manhajuh wa Arā’uh*, h. 67.

¹⁷ Mengenai tempat kelahiran Ibn al-Qayyim, beberapa pengarang yang menuliskan biografi beliau memiliki pendapat yang berbeza; apakah ia di Damshik atau pun di Zur‘ī. Kerana itu mengenai nasab beliau, mereka menuliskan al-Zur‘ī, al-Dimasqī. Kemungkinan al-Zur‘ī adalah tempat asal kelahirannya, kemudian keluarganya berpindah ke Damshik. Lihat Abū Zayd, (1423 H), *Ibn Qayyim al-Jawziyyah*, h. 21.

¹⁸ Ibn Rajab (2005), *al-Dhayl ‘alā Ṭabaqāt*, h. 176; Ibn Kathīr (1998), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, j. 18, h. 523.

¹⁹ Ḥijāzī (1972), *Ibn Qayyim wa Mawqūfuh Min al-Taḥkīr al-Islāmī*, h. 35.

²⁰ Ibn Ḥajar (1972), *al-Durar al-Kāminah*, j. 1, h. 527.

2.1.3 Pengajian, Guru-guru dan Murid-murid Ibn al-Qayyim

Ibn al-Qayyim adalah peribadi yang sangat cinta dengan ilmu pengetahuan, ia mempelajari ilmu pengetahuan sejak kecil lagi, iaitu ketika berusia tujuh tahun. Dalam usaha menuntut ilmu, tidak ramai pengarang yang menyebutkan tempat pengajian Ibn al-Qayyim di luar bandar Damshik, selain perjalanan haji dan ziarah beliau ke Makkah. Yang demikian disebabkan kerana bandar Damshik pada masa beliau hidup merupakan pusat ilmu pengetahuan serta bandar tujuan para penuntut ilmu.²¹

Namun begitu, Ibn al-Qayyim sendiri telah menceritakan di dalam bukunya yang bertajuk “*Hidāyah al-Khiyārī*” tentang lawatan beliau ke Mesir dalam rangka menuntut ilmu:

“Aku mengikuti salah satu munāẓarah (dialog) di Mesir bersama salah seorang ilmuwan dan tokoh Yahudi.”²²

Antara guru-guru beliau ialah: Shihāb al-Nablūsī, Abu Bakr b. ‘Abd al-Da’im, ‘Īsā al-Muṭ‘im, Ibn al-Shirāzī, Ismā‘il Maktūm, Qādī Taqī al-Dīn Sulaymān, Fātimah bt. Jawhar. Selain daripada itu, beliau juga mempelajari bahasa Arab daripada Abu al-Faṭḥ al-Ba‘lī dan al-Majd al-Tūnisī, mempelajari Uṣūl daripada al-Saffī al-Hindī dan ‘Ismā‘il b. Muḥammad serta mempelajari Fiqh daripada Majd al-Ḥarrānī dan Ibn Taymiyyah yang meninggalkan banyak pengaruh dalam diri beliau.²³

Ibn al-Qayyim telah menjadikan Ibn Taymiyyah sebagai teladan tertinggi, dan telah menjadi muridnya serta berguru kepada beliau secara intensif (*mulāzamah*) selama kurang lebih 16 tahun lamanya, iaitu sejak tahun 712 H sepulangnya Ibn Taymiyyah dari Mesir, hingga tahun beliau wafat, iaitu tahun 728 H. Selain menimba ilmu, Ibn al-Qayyim juga banyak mengikut pandangan-pandangan serta manhaj Ibn Taymiyyah

²¹ Abū Zayd (1423 H), *Ibn Qayyim al-Jawziyyah*, h. 49 dan 56.

²² Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1396 H), *Hidāyah al-Khiyārī fī Aḥwāli al-Yahūd wa al-Naṣārā*, Madinah: al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah, h. 87.

²³ Ibn Rajab (2005), *al-Dhayl ‘alā Ṭabaqāt*, h. 171; al-Ṣafādī (1949) *al-Wāfi bi al-Wafiyāt*, h. 271; Ibn Ḥajar (1972), *al-Durar al-Kāminah*, j. 5, h. 137.

dalam upaya memerangi orang-orang yang dianggap telah menyimpang dari akidah salaf, kaum sufi dan para failasuf.²⁴

Pada dasarnya pemikiran-pemikiran Ibn al-Qayyim bersifat pembaharuan, tidak terkecuali dalam bidang Tasawuf. Ibn al-Qayyim menghendaki agar Tasawuf dikembalikan ke sumber aslinya iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah tanpa ada penyimpangan-penyimpangan yang berlaku.²⁵ Manakala dalam bidang Fiqh, Ibn al-Qayyim sekalipun mengikuti aliran Ahmad bin Hanbal, tetapi ia juga mengeluarkan pendapat yang berbeza dengan fahaman Ahmad bin Hanbal. Beliau termasuk periode keenam, periode ini dianggap sebagai periode meluasnya faham fanatik dan taklid kepada ulama-ulama mujtahid yang empat, tetapi Ibn al-Qayyim menolak taklid dan cuba untuk mengemukakan pentafsiran baru dalam bidang Fiqh.²⁶

Memandangkan kepakaran beliau dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan, ramai ulama memberikan pujian dan pengakuan. Berikut ini merupakan beberapa pengakuan para ulama mengenai kepakaran Ibn al-Qayyim di bidang ilmu pengetahuan:

Al-Dhahabī, dalam kitab *al-Mu'jam al-Mukhtaṣṣ*-nya menuliskan:

“Beliau mendalami bidang Hadith, Matan dan sebahagian perawi-nya. Ia juga menggeluti bidang Fiqh dan menguasainya, serta memahami bidang Nahwu dan *Aṣḥayn* (Usuludin dan Usul al-Fiqh)”²⁷

Al-Ṣafadī, dalam kitab *al-Wāfi bi al-Wafiyāt* karangannya menuliskan:

“Beliau meyibukkan diri dalam pelbagai aktiviti, berdialog dan berjihad, serta sangat serius dalam menuntut ilmu dan mengarang buku. Beliau juga menjadi ulama terkemuka dalam ilmu Tafsir, Hadith, Usul Fiqh, Kalam, Fiqh dan Bahasa Arab.”²⁸

Al-Shawkānī, dalam kitabnya *al-Badr al-Ṭālī* menuliskan:

²⁴ Sharf al-Dīn (1984), *Ibn al-Qayyim: 'Aṣrūh wa Manhajūh wa Arā'uh*, h. 73. Lihat juga Mohammad Kamil Ab. Majid (1993), *Beberapa Aspek 'Ilm al-Kalam Mengikut Ibn Taymiyyah*, Selangor: Penerbit Media Ilmu, h. 8.

²⁵ M. Laily Mansur (1996), *Ajaran dan Teladan Para Sufi*, Jakarta: PT.Raja Grafindo Persada, h. 222.

²⁶ Amir Syarifudin (1990), *Pembaharuan Pemikiran Dalam Hukum Islam*, Padang: Angkasa Raya, h. 294.

²⁷ Al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muḥammad b. Ahmad Ibn 'Uthmān (1988), *al-Mu'jam al-Mukhtaṣṣ bi al-Muḥaddithīn* (Taḥqīq) al-Haylah, Muḥammad al-Ḥabīb, Ṭāif: Maktabah al-Siddīq, h. 269.

²⁸ Al-Ṣafadī (1949), *al-Wāfi bi al-Wafiyāt*, h. 271.

“Beliau menguasai seluruh bidang ilmu, dan terkenal sebagai seorang tokoh ilmuan pada zamannya, memahami dan mengetahui tentang mazhab-mazhab salaf.”²⁹

Sebagai seorang ulama’ yang terkenal, Ibn al-Qayyim dikelilingi oleh ramai orang yang berguru dan mempelajari pelbagai bidang ilmu kepadanya. Di antara anak-anak muridnya yang masyhur ialah: anak beliau yang bernama Sharf al-Dīn ‘Abd Allāh yang menggantikan beliau sebagai guru di Şadariyyah setelah beliau meninggal dunia; Zayn al-Dīn Ibn Rajab al-Ḥanbalī, seorang tokoh dalam mazhab Ḥanbalī serta pengarang kitab *Ṭabaqāt al-Ḥanābilah*; Ibn Kathīr, tokoh dalam ilmu hadis dan sejarah, pengarang kitab *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*; Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, seorang tokoh hadis dan pengarang kitab *al-Durar al-Kāminah*; al-Dhahabī, pengarang kitab *al-Mu‘jam al-Mukhtaṣṣ li al-Muḥaddithīn*; serta Ibn ‘Abd al-Hādī.³⁰

2.1.4 Akhlak dan Keperibadian

Ibn al-Qayyim adalah seorang yang bijaksana, berakhlak mulia, berbudi halus, berpandangan luas, berilmu tinggi, kuat beribadah, banyak zikir dan sering melakukan solat malam (tahajjud). Beberapa ungkapan berikut merupakan pandangan peribadi para murid-murid beliau:

Ibn Kathīr dalam kitab *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* menuliskan:

“Ia adalah seorang yang fasih ketika membaca (al-Qur’an), berakhlak mulia serta penuh kasih sayang. Ia tidak pernah bersikap hasad, menjelek-jelekkan serta mengganggu orang lain. Seluruh peribadinya indah dan menawan.”³¹

Ibn Rajab turut juga menuliskan di dalam kitabnya *al-Dhayl ‘alā Ṭabaqāt*:

“Beliau adalah seorang ahli ibadah, sering bangun malam, berlama-lama dalam solatnya, banyak berzikir, bertaubat dan membaca istighfar.”³²

²⁹ Al-Shawkānī, Muḥammad b. ‘Alī Ibn Muḥammad (t.t.), *al-Badr al-Ṭālī ‘bi Maḥāsin min ba’d al-Qarn al-Sābi’*, j. 2, Beirut: Dār al-Ma‘rifah, h. 143.

³⁰ Sharf al-Dīn (1984), *Ibn al-Qayyim: ‘Aṣruḥ wa Manḥajuh wa Arā’uh*, h. 74.

³¹ Ibn Kathīr (1998), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, j. 18, h. 523.

³² Ibn Rajab (2005), *al-Dhayl ‘alā Ṭabaqāt*, h. 172-173.

Begitu juga dengan Ibn Hajar, ia menuturkan di dalam kitabnya *al-Durar al-Kāminah*:

“Apabila beliau solat subuh, beliau duduk berzikir di tempatnya sehingga matahari meninggi. Ia berbicara lemah lembut dan penuh kesabaran, dan ia merupakan seorang pemimpin dalam hal agama.”³³

Keindahan akhlak dan kejernihan hati Ibn al-Qayyim secara nyata dapat kita lihat melalui tulisan beliau yang membicarakan mengenai adab dengan sesama manusia,

“Siapa sahaja yang telah berbuat jahat kepadamu, kemudian ia datang meminta maaf, maka wajib bagimu untuk memaafkannya, sama ada ia dalam keadaan salah atau pun benar. Serahkanlah kejahatannya kepada Allāh, sebagaimana yang dilakukan Rasulullah s.a.w kepada orang-orang Munafik ketika mereka mengingkari janji mereka dalam peperangan. Setelah selesai perang, mereka pun datang kepada Rasulullah meminta maaf. Beliau pun memaafkan mereka dan menyerahkan kejahatan mereka kepada Allāh.”³⁴

Adapun dari sisi keperibadian, Ibn al-Qayyim adalah seorang yang tegas, pemberani, berhati teguh, serta tidak mudah dipengaruhi, meskipun itu adalah pendapat daripada gurunya; Shaikh Ibn Taymiyyah. Beliau seringkali berdialog dengan gurunya dan mempertahankan pendapatnya, khususnya bila ia memiliki bukti (dalil) yang cukup kuat.³⁵

Kerana wataknya yang tegas dan teguh pendirian terhadap suatu keyakinan yang diyakini kebenarannya, beliau dan gurunya: Ibn Taymiyyah menerima *mihnah* (ujian) dari pihak penguasa (pemerintah) dan tokoh agama pada zamannya. Di samping itu, beliau dan gurunya juga telah berkali-kali menerima hinaan dan seksaan, akhir sekali beliau pernah dipenjara bersama Ibn Taymiyyah di *Qal‘ah* di ruangan yang berbeza, dan beliau tidak keluar dari penjara tersebut melainkan setelah guru beliau; Ibn

³³ Ibn Hajar (1972), *al-Durar al-Kāminah*, h. 138. Lihat juga al-Shawkānī (t.t.), *al-Badr al-Tāli‘*, h. 144.

³⁴ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1973), *Madārij al-Sālikin Bayn Manāzil Iyyāka Na‘budu wa Iyyāka Nasta‘in*, (Taḥqīq) al-Fakkī, Muḥammad Ḥamīd, c. 3, j. 2, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 377.

³⁵ Lāshyn, ‘Abd al-Fattāh (1982), *Ibn al-Qayyim wa Ḥissh al-Balāghī*, h. 34-36. Lihat juga Abū Zayd (1423 H), *Ibn Qayyim al-Jawziyyah*, h. 149-155.

Taymiyyah meninggal dunia.³⁶ Adapun salah satu sebab Ibn al-Qayyim disiksa dan dipenjara, ialah kerana sikap beliau yang tidak menyetujui praktik ziarah ke makam al-Khalīl yang dilakukan orang-orang di zamannya.³⁷

2.1.5 Karya-karya Ibn al-Qayyim

Beberapa pengarang yang menuliskan biografi Ibn al-Qayyim berbeza pendapat apabila memperkatakan tentang karya-karya Ibn al-Qayyim, sama ada dari segi bilangan mahupun judul buku. Yang demikian disebabkan beberapa perkara, di antaranya ialah:

1. Ibn al-Qayyim telah menamakan suatu kitab, kemudian ia juga mengisytiharkan kitab tersebut pada beberapa kitab karangannya yang lain berdasarkan topik perbincangan kitab, dan bukan berdasarkan nama kitab.³⁸ Sebagai contoh: Kitab beliau yang bertajuk “*Jalā’ al-Afhām fi al-Ṣalāt wa al-Salām ‘ala Khayr al-Anām*” nama kitab ini beliau sebut dalam muqaddimah kitab,³⁹ tapi dalam kitabnya yang lain yang bertajuk “*Badāi’ al-Fawā’id*” beliau menyebutkan kitab ini dengan nama “*Ta’zīm Sha’n al-Ṣalāt ‘ala al-Nabī Ṣalla Allāh ‘Alayh wa Sallam.*”⁴⁰ Daripada sini timbullah beberapa nama daripada kitab yang satu.
2. Terdapat juga kitab karangan Ibn al-Qayyim yang memiliki nama yang terdiri daripada dua kalimat gabungan (*Idāfah*), beberapa pengarang menjadikan setiap kalimat daripadanya nama kitab secara berasingan. Sebagai contoh, kitab beliau yang bertajuk “*Rawḍah al-Muḥibbīn wa Nuzhah al-Mushtāqīn.*” Beberapa pengarang menyebutkan bahawa Ibn al-Qayyim mempunyai kitab yang bertajuk “*Rawḍah al-Muḥibbīn*” dan kitab lain yang bertajuk “*Nuzhah al-Mushtāqīn*”.⁴¹

³⁶ Ibn Rajab (2005), *al-Dhayl ‘alā Ṭabaqāt*, h. 173; Ibn Ḥajar (1972), *al-Durar al-Kāminah*, h. 138.

³⁷ Al-Dhahabī (1988), *al-Mu’jam al-Mukhtaṣṣ*, h. 269.

³⁸ Abū Zayd (1423 H), *Ibn Qayyim al-Jawziyyah*, h. 185.

³⁹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1987), *Jalā’ al-Afhām fi al-Ṣalāt wa al-Salām ‘ala Khayr al-Anām*, (Taḥqīq) Shu’ayb Aran’ūt dan ‘Abd al-Qadīr Aran’ūt, c. 2, Kuwait: Dār al-‘Arūbah, h. 27.

⁴⁰ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1996), *Badāi’ al-Fawā’id*, (Taḥqīq) ‘Aṭā, Hishām ‘Abd al-Azīz dan al-‘Adawī, ‘Ādil ‘Abd al-Ḥamīd, j. 2, Kuwait: Dār al-‘Arūbah, h. 417.

⁴¹ Abū Zayd (1423 H), *Ibn Qayyim al-Jawziyyah*, h. 185.

3. Di samping itu, ada juga beberapa kitab yang tidak dinamakan oleh Ibn al-Qayyim dan ternyata setelah dicetak, kitab itu dinamakan sesuai dengan topik perbahasan di dalamnya. Lalu kitab itu pun mengalami cetak ulang yang juga diberi nama dengan nama yang berbeza. Sebagai contoh, kitab “*al-Dā’ wa al-Dawā’*”⁴² nama ini bukanlah pemberian Ibn al-Qayyim melainkan dari penerbit yang mencetaknya, kemudian muncullah cetakan lain dari buku ini yang memiliki nama yang berbeza, iaitu: “*al-Jawāb al-Kāfī Liman Sa’ala ‘an al-Dawā’ al-Shāfī*”⁴³.

Meskipun demikian, menurut penyelidikan Bakr ‘Abd Allāh Abū Zayd dalam bukunya yang bertajuk “*Ibn Qayyim al-Jawziyyah Ḥayātuh Athāruh Mawāriduh*”, penulisan Ibn Qayyim dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan berjumlah 98 buah buku.⁴⁴

Di antara karya-karya beliau mengikut pelbagai bidang ilmu dapat diringkaskan seperti berikut:

Dalam bidang Tasawuf Ibn al-Qayyim menulis beberapa kitab, antaranya: kitab *Madārij al-Sālikīn* (iaitu *sharḥ* daripada kitab *Manāzil al-Sā’irīn* karya al-Harawī), ‘*Uddah al-Ṣābirīn wa Dhākhīrah al-Shākirīn*,⁴⁵ *Rawḍah al-Muḥibbīn wa Nuzhah al-Mushtāqīn*,⁴⁶ dan kitab *Tariq al-Hijratayn wa Bāb al-Sa’ādatayn*.⁴⁷

Dalam bidang Ilm Kalam, Ibn al-Qayyim menulis beberapa kitab, iaitu: *Shifā’ al-‘Alīl fī Masā’il al-Qadā’ wa al-Qadar wa al-Ḥikmah wa al-Ta’līl, al-Ṣawā’iq al-Mursalah ‘alā al-Jahmiyyah wa al-Mu’aṭṭilah*,⁴⁸ *Ijtimā’ al-Juyūsh al-Islāmiyyah ‘ala*

⁴² Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1429 H), *al-Dā’ wa al-Dawā’*, (Taḥqīq) al-Isḥāqī, Muḥammad Ajmal, Mekkah: Dār ‘Ālam al-Fawā’id.

⁴³ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1985), *al-Jawāb al-Kāfī liman Sa’ala ‘an al-Dawā’ al-Shāfī*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Lihat Abū Zayd (1423 H), *Ibn Qayyim al-Jawziyyah*, h. 186.

⁴⁴ *Ibid*, h. 197.

⁴⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1989), *‘Uddah al-Ṣābirīn wa Dhākhīrah al-Shākirīn*, Damshik: Dār Ibn Kathīr.

⁴⁶ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1992), *Rawḍah al-Muḥibbīn wa Nuzhah al-Mushtāqīn* Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

⁴⁷ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1994), *Tariq al-Hijratayn wa bāb al-Sa’ādatayn*, Damām: Dār Ibn al-Jawzī.

⁴⁸ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1998), *al-Ṣawā’iq al-Mursalah ‘alā al-Jahmiyyah wa al-Mu’aṭṭilah*, (Taḥqīq) al-Dakhīl Allāh, ‘Alī b. Muḥammad, 4 jld, c. 3, al-Riyāḍ: Dār al-‘Āshimah.

Ghazw al-Mu'aṭṭalah wa al-Jahmiyyah,⁴⁹ *al-Kāfiyah al-Shāfiyah fī al-Intiṣār li al-Firqah al-Nājiyah, al-Rūḥ*,⁵⁰ *Hādī al-Arwāḥ ilā Bilād al-Afrāḥ*,⁵¹ *Miftāḥ Dār al-Sa'ādah wa Manshur Wilāyah al-'Ilm wa al-Irādah*.⁵²

Dalam bidang Ilmu Sīrah dan Tarikh, beliau menulis kitab *Zād al-Ma'ād fī Hudā Khayr al-'Ibād*⁵³ dan *Akhbār al-Nisā'*.

Dalam bidang Ilmu Tafsir, Ibn al-Qayyim menulis beberapa kitab, di antaranya: kitab *al-Tibyān fī Aqsām al-Qur'ān*,⁵⁴ *Tafsīr al-Mu'awwidhatayn, Tafsīr Sūrah al-Fātiḥah* yang terdapat di awal kitab *Madārij al-Sālikīn* dan sebagainya.

Dalam bidang Ilmu Hadith, Ibn al-Qayyim menulis kitab-kitab, seperti: *Tahdhīb al-Sunan li Abī Dāwūd, al-Wābil al-Ṣayyib min al-Kalim al-Ṭayyib*,⁵⁵ *al-Dā'i ilā Ashraf al-Musā'i* dan lain sebagainya.

Dalam bidang Ilmu Fiqh dan Usul al-Fiqh, beliau menyumbangkan sejumlah kitab karangannya, di antaranya: *I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Ālamīn*,⁵⁶ *al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar'iyyah*,⁵⁷ *al-Ṣalāt wa Ḥukm Tārikihā*,⁵⁸ *Tuḥfah al-Mawdūd bi Ahkām al-Mawlūd*,⁵⁹ *Bayān al-Dalīl 'an Istighnā' al-Musābaqah 'an al-Taḥlīl, al-Taḥlīl Fi Mā Yaḥill wa Yaḥrum min Libās al-Ḥarīr* dan sebagainya.⁶⁰

Dalam bidang bahasa Arab dan Balāghah, beliau menuliskan beberapa kitab di antaranya: *Badā'i' al-Fawā'id* (kitab yang berkaitan erat dengan pelajaran bahasa Arab

⁴⁹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1988), *Ijtimā' al-Juyūsh al-Islāmiyyah 'ala Ghazw al-Mu'aṭṭalah wa al-Jahmiyyah*, Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.

⁵⁰ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1975), *al-Rūḥ*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

⁵¹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *Hādī al-Arwāḥ ilā Bilād al-Afrāḥ*, Kaherah: Maṭba'ah al-Madani.

⁵² Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *Miftāḥ Dār al-Sa'ādah wa Manshur Wilāyah al-'Ilm wa al-Irādah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

⁵³ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1994), *Zād al-Ma'ād fī Hudā Khayr al-'Ibād*, 5 jld, c. 27, Beirut: Mu'assasah al-Risālah.

⁵⁴ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *al-Tibyān fī Aqsām al-Qur'ān*, (Taḥqīq) al-Najār, Muḥammad Zuhri, al-Riyād: al-Mu'assasah al-Sa'diyyah.

⁵⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1985), *al-Wābil al-Ṣayyib min al-Kalim al-Ṭayyib*, (Taḥqīq) 'Iwaḍ, Muḥammad 'Abd al-Raḥmān, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.

⁵⁶ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1973), *I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Ālamīn*, (Taḥqīq) Sa'ad, Ṭāha 'Abd al-Ra'ūf, 4 jld, Beirut: Dār al-Jayl.

⁵⁷ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar'iyyah*, (Taḥqīq) Ghāzī, Muḥammad Jamīl, Kaherah: Maṭba'ah al-Madani.

⁵⁸ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1996), *al-Ṣalāt wa Ḥukm Tārikihā*, (Taḥqīq) al-Jābī, Bassām 'Abd Wahhāb, Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

⁵⁹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1971), *Tuḥfah al-Mawdūd bi Ahkām al-Mawlūd*, (Taḥqīq) al-Aran'ūt, 'Abd al-Qadīr, Damshik: Maktabah Dār al-Bayān.

⁶⁰ Ḥijāzī (1972), *Ibn Qayyim wa Mawqifuh Min al-Taḥkīr al-Islāmī*, h. 46-47.

dan Balaghah, serta berhubung kait dengan Ilmu Uṣūl dan Fiqh) dan kitab *al-Fawā'id al-Mushawwiq ilā 'Ulūm al-Qur'ān wa Ilm al-Bayān*.⁶¹

Selain daripada itu, Ibn al-Qayyim juga menulis beberapa kitab seperti: *Hidāyah al-Khiyārī min al-Yahūd wa al-Naṣārā*, *al-Jawāb al-Kāfī Liman Sa'ala 'an al-Dawā' al-Shāfī*, *Ighāthah al-Lahfān fī Ḥukm Ṭalāq al-Ghaḍbān*,⁶² *Ighāthah al-Lahfān fī Maṣā'id al-Shaytān*,⁶³ *Amthāl al-Qur'ān*,⁶⁴ *Tafḍīl Makkah 'alā al-Madīnah*, *Faḍl al-'Ilm*, *al-Kabā'ir*, *al-Masā'il al-Ṭarabulusiyyah*, *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm fī Aḥkām Ahl al-Jahīm*, *al-Faṭḥ al-Qudsī*, *al-Tuḥfah al-Makkiyyah*, *Butlān al-Kimiyyā' min Arba'in Wajhan*, *Naqd al-Manqūl al-Muḥakki al-Mumayyiz Bayn al-Mardūd wa al-Maqbūl*, *Nūr al-Mu'min wa Ḥayātuh*, *Aymān al-Qur'ān*, *Ḥukm Ighmām Hilāl al-Ramaḍān*, *al-Ṭibb al-Nabawī*,⁶⁵ *Talbīs Iblīs*, *Sharḥ Asmā' al-Ḥusnā*, *Sharḥ Asmā' al-Kitāb al-'Azīz*, *Jalā' al-Afhām fī al-Ṣalāt wa al-Salām 'ala Khayr al-Anām*, *al-Ṭā'ūn* dan lain sebagainya.⁶⁶

Daripada kajian mengenai riwayat hidup Ibn al-Qayyim di atas dapat disimpulkan, bahawa beliau merupakan seorang tokoh pemikir Islam yang banyak mewarnai khazanah intelektual Islam dalam pelbagai ilmu pengetahuan. Beliau juga memiliki wawasan yang luas, pemikiran yang tajam, akhlak yang indah serta sikap berani dan tegas dalam memerangi kebatilan, menolak pihak-pihak yang dianggap menyimpang. Dengan memandangkan keilmuan, kepakaran dan kekuatan peribadinya ini, kiranya wajar apabila ramai ulama menyematkan gelar dalam diri beliau sebagai seorang tokoh ulama, pemikir serta mujahid paling terkemuka di zamannya.

⁶¹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1973), *al-Fawā'id al-Mushawwiq ilā 'Ulūm al-Qur'ān wa 'Ilm al-Bayān*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. Lihat juga Lāshyn (1982), *Ibn al-Qayyim wa Ḥissuh al-Balāghī*, h. 25.

⁶² Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1988), *Ighāthah al-Lahfān fī Ḥukm Ṭalāq al-Ghaḍbān* (Taḥqīq) 'Afīfī, Muḥammad, c. 2, Beirut: al-Maktab al-Islāmī.

⁶³ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1975), *Ighāthah al-Lahfān fī Maṣā'id al-Shaytān*, (Taḥqīq) al-Fakkī Muḥammad Ḥāmid, 2 jld. c. 2, al-Riyād: Maktabah al-Ma'ārif.

⁶⁴ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1986), *Amthāl al-Qur'ān*, (Taḥqīq) Muḥammad b. Ibrāhīm, Ṭanṭā: Maktabah al-Ṣahābah.

⁶⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1990), *al-Ṭibb al-Nabawī*, (Taḥqīq) al-Jamīlī, al-Sayyid, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī. Lihat juga Hijāzī (1972), *Ibn Qayyim wa Mawqīfuh Min al-Tafkīr al-Islāmī*, h. 48-49.

⁶⁶ *Ibid*, Lihat juga Ibn Rajab (2005), *al-Dhayl 'alā Ṭabaqāt*, h. 175-176, Ibn 'Imād (t.t.), *Shadharāt al-Dhahab*, h. 353-354.

2.2. Pengenalan Kitab *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qaḍā' wa al-Qadar*

Kitab *Shifā'* adalah salah satu kitab karangan Ibn al-Qayyim dalam bidang akidah. Kitab ini menampilkan kupasan yang menarik, berkenaan dengan qada', qadar hikmah dan *ta'līl* (rahsia) di sebalik ciptaan Allāh. Huraian-huraian yang dituliskan oleh pengarang membuktikan keimanan, ketakwaan serta ketinggian ilmu beliau dalam membahaskan persoalan sekitar qada', qadar dengan menggunakan metode tersendiri.

2.2.1 Nama dan Edisi Kitab

Berdasarkan muqadimah kitab yang ditulis oleh Ibn al-Qayyim serta beberapa pengarang yang menghuraikan beberapa karya beliau, tajuk kitab ini secara lengkap ialah: *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qaḍā' wa al-Qadar wa al-Ḥikmah wa al-Ta'līl*.⁶⁷

Menurut penyelidikan Bakr b. 'Abd Allāh Abū Zayd, hanya sebahagian kecil pengarang yang menyebutkan nama buku ini dalam senarai karya Ibn al-Qayyim, berkenaan dengan itu, ia menuliskan komennya:

“Hal yang mengherankan, ternyata para pengarang terdahulu, tidak menyebutkan nama kitab ini dalam senarai karya Ibn al-Qayyim, padahal nama buku ini sangat dikenali, dan isinya sangatlah penting.”⁶⁸

Kemungkinan, kitab ini yang dimaksudkan oleh Ibn Rajab dengan nama “*Jalīl al-Qadar*”⁶⁹ dan juga oleh Ibn Ḥajar dan al-Shawkānī dengan nama, “*al-Qaḍā' wa al-Qadar*.”⁷⁰

Karya Ibn al-Qayyim ini pertama kali dicetak pada tahun 1323 H, oleh penerbit al-Ḥusayniyyah al-Miṣriyyah dan disunting oleh al-Sayyid Muḥammad Badr al-Dīn Abū Farās al-Na'sānī al-Ḥalabī yang berpandukan pada dua sumber: sebahagian (setengah) awal karya ini didapati dari dua manuskrip (*makhṭūṭayn*), iaitu berasal dari

⁶⁷ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *Shifā'*, h. 5; Lāshyn (1982), *Ibn al-Qayyim wa Ḥissuh al-Balāghī*, h. 24; Ḥijāzī (1972), *Ibn Qayyim wa Mawqifuh Min al-Tafkīr al-Islāmī*, h. 47; Sharf al-Dīn, (1984), *Ibn al-Qayyim: 'Aṣruḥ wa Manḥajuh wa Arā'uh*, h. 75.

⁶⁸ Abū Zayd (1423 H), *Ibn Qayyim al-Jawziyyah*, h. 266.

⁶⁹ Ibn Rajab (2005), *al-Dhayl 'alā Ṭabaqāt*, h. 175-176.

⁷⁰ Ibn Ḥajar (1972), *al-Durar al-Kāminah*, h. 139, al-Shawkānī (t.t.), *al-Badr al-Ṭālī*, h. 144.

al-‘Allāmah al-Irāqī al-Alūsī yang ditambahi oleh Maḥmūd Shukrī Afandī dan naskah dari Dār al-Kutub, sedangkan setengah yang terakhir didapati dari naskah Dār al-Kutub semata.⁷¹

Menurut Ḥassan ‘Abd Allāh al-Ḥassānī, karya pada cetakan pertama ini memiliki banyak kekurangan dan kesalahan, baik dari segi peletakkan titik mahupun harakat hurufnya. Begitu juga dalam penulisan ayat-ayat al-Qur’an dan hadith-hadithnya. Dan yang paling penting, karya ini memiliki kekurangan bab, iaitu bab kedua puluh dua.⁷²

Di dalam mukaddimah buku disebutkan bahawa tajuk pada bab kedua puluh dua ialah “*Fī Ṭuruq Ithbāt Ḥikmah al-Rabb Ta‘ālā fī Khalqih wa Amrih wa Ithbāt al-Ghāyāt al-Maṭlūbah wa al-‘Awāqib al-Ḥamīdah al-Latī Fa‘ala wa Amara li Ajlihā*” Tajuk pada bab kedua puluh tiga ialah “*Fī Ishtifāh Shibh Nufāt al-Ḥikmah wa Dhikr al-Ajwibah al-Mufaṣṣalah ‘Anhā*”. Manakala di dalam kandungan kitab, tajuk bab kedua puluh tiga menjadi tajuk besar dalam bab kedua puluh dua, sehingga tajuk yang awalnya ada di bab kedua puluh dua menjadi hilang (tidak didapati).⁷³

Setakat yang ditelusuri penulis dalam kajian ini, penulisan bab dalam kitab *Shifā’* yang memang memiliki beberapa cetakan daripada pelbagai penerbitan didapati bahawa hampir semua isi kitab *Shifā’* tidak membincangkan bab kedua puluh dua yang bertajuk “*Fī Ṭuruq Ithbāt Ḥikmah al-Rabb Ta‘ālā fī Khalqih wa Amrih wa Ithbāt al-Ghāyāt al-Maṭlūbah wa al-‘Awāqib al-Ḥamīdah al-Latī Fa‘ala wa Amara li Ajlihā*” sebagaimana yang telah disebut dalam muqaddimah awal kitab. Sebagai gantinya tajuk besar bab kedua puluh tiga “*Fī Ishtifāh Shibh Nufāt al-Ḥikmah wa Dhikr al-Ajwibah al-Mufaṣṣalah ‘Anhā*” dijadikan tajuk besar pada bab kedua puluh dua.⁷⁴

⁷¹ Lihat Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *Shifā’*, h. 307.

⁷² Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *Shifā’*, (Taṣḥīḥ) al-Ḥassānī, Ḥasan ‘Abd Allāh, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 509.

⁷³ *Ibid*,

⁷⁴ *Ibid*, h. 508; Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *Shifā’*, (Taṣḥīḥ) al-Ḥassānī, Ḥasan ‘Abd Allāh, Kaherah: Dār al-Turāth, h. 603; Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *Shifā’*, (Taṣḥīḥ) al-Na’sānī, Muḥammad Badr al-Dīn Abū Farās, h. 268; Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2009), *Qada’ dan Qadar Ulasan Tuntas Masalah Takdir*, Abdul Ghaffar (terj.), Jakarta: Penerbit Pustaka Azzam, h. VIII.

Dalam hal ini, terdapat dua versi penulisan bab dalam kitab *Shifā'* yang dijumpai penulis dalam kajian ini. Beberapa kitab ada yang meletakkan tajuk bab "*Fī Ishtifāh Shibh Nufāt al-Hikmah wa Dhikr al-Ajwibah al-Mufaṣṣalah 'Anhā'*" pada bab keduapuluh dua dan keduapuluh tiga. Sedangkan yang lain menjadikan tajuk bab "*Fī Ishtifāh Shibh Nufāt al-Hikmah wa Dhikr al-Ajwibah al-Mufaṣṣalah 'Anhā'*" dalam bab kedua puluh dua sahaja dan menghilangkan bab kedua puluh tiga.

Adapun beberapa edisi dari kitab *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qaḍā' wa al-Qadar* yang penulis dapati ialah sebagai berikut:

1. Edisi yang disunting oleh al-Sayyid Muḥammad Badr al-Dīn Abū Farās al-Na'sānī al-Ḥalabī, dan telah dicetak oleh Dār al-Ma'rifah, Beirut, Lubnan, tanpa tahun terbit, setebal 307 muka surat yang diakhiri dengan sedikit catatan dari editor. Edisi ini juga dilengkapi dengan daftar isi yang ditulis dalam dua muka surat yang berasingan dan terletak di akhir kitab.
2. Edisi yang disunting oleh Hassān 'Abd Allāh al-Hassānī dan telah dicetak oleh Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, Lubnan, tanpa tahun terbit, setebal 510 muka surat. Edisi ini ditampilkan lebih tertib daripada edisi sebelumnya, iaitu dengan memberikan perenggan pada kalimat-kalimatnya serta menuliskan setiap babnya yang memuat tajuk besar dalam muka surat yang berasingan. Selain itu, dalil-dalil daripada al-Qur'an yang tercantum di dalam kitab, pada edisi ini pun telah diberi keterangan, iaitu dengan mencantumkan nama surat dan nombor ayat pada nota kaki. Edisi ini juga dilengkapi daftar isi di halaman terakhirnya dan ditutup dengan catatan editor yang ditulis dalam dua muka surat.
3. Kitab ini juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia dengan tajuk, *Qada' dan Qadar Ulasan Tuntas Masalah Takdir*, oleh Abdul Gaffar dan telah dicetak untuk pertama kalinya pada tahun 2007 oleh Penerbit Pustaka Azzam, Jakarta, yang berjumlah 736 muka surat. Di samping mencantumkan daftar isi

dan kata pengantar terjemahan, dalam kitab ini pula penterjemah menampilkan nama surat dan nombor ayat al-Qur'an, takhrij hadith serta penjelasan beberapa istilah pada nota kaki.

2.2.2 Tujuan Penulisan Kitab

Daripada mukadimah pada awal kitab dapat diketahui bahawa di antara tujuan penulisan kitab ini, ialah memberikan penjelasan yang sebenar kepada umat Islam dalam masalah akidah, khususnya yang berkaitan dengan perkara qada', qadar, hikmah dan *ta'wil* Allāh di sebalik ciptaan-Nya yang menurut pengarang kitab; Ibn al-Qayyim sangat diperlukan. Sebagaimana yang diungkapkan beliau dalam muqadimah kitabnya,

“Ketika pengetahuan akan kebenaran dalam masalah qada', qadar, hikmah dan *ta'wil* ini sudah sampai pada tingkat yang sangat diperlukan, iaitu pada tingkat daruri, maka penulis berusaha keras untuk menyusun dan membukukan buku ini.”⁷⁵

Di samping itu, tulisan ini juga bertujuan untuk mengimbangi antara dua golongan yang saling bertentangan, iaitu golongan Qadariyah⁷⁶ yang berpandangan bahawa takdir itu tidak ada dan segala sesuatu itu bergantung pada diri sendiri. Jika ia berkehendak ia dapat memberikan petunjuk pada dirinya sendiri, dan bila ia berkehendak, ia juga dapat menyesatkan dirinya sendiri. Semua perkara kembali pada kehendak hamba itu sendiri dan tidak ada hubungan sama sekali dengan kehendak Tuhan⁷⁷ dan golongan Jabariyah⁷⁸ yang berpandangan sebaliknya. Mereka meniadakan tindakan, kehendak dan pilihan hamba. Dalam perkara ketaatan dan kemaksiatan, manusia dalam keadaan dipaksa dan sama sekali tidak diberi kebebasan. Gerakan

⁷⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *Shifā'*, (Tashīh) al-Na'sānī, Muḥammad Badr al-Dīn Abū Farās, h. 5.

⁷⁶ Qadariyah ialah faham yang mengakui bahawa takdir itu tidak ada, segala sesuatunya terjadi secara kebetulan, dan ilmu Allāh sama sekali tidak mengetahuinya. Orang pertama yang mengemukakan pandangan ini adalah Ma'bad b. Khālid al-Juhnī (72 H). Lihat al-Būṭī, Muḥammad Sa'īd Ramaḍān (2004), *al-Insān Musayyar am Mukhayyar*, h. 14. Dalam istilah Inggerisnya, faham ini dikenal dengan nama *Free Will dan Free Act*. Lihat Harun Nasution (1983), *Teologi Islam Aliran Aliran Sejarah Analisa Perbandingan*, Jakarta: UI Press, h. 31.

⁷⁷ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *Shifā'*, h. 3.

⁷⁸ Jabariyah ialah faham yang berpandangan bahawa dalam seluruh urusan dan tindakannya, manusia dipaksa (tidak diberi kebebasan sama sekali), ia merupakan tawanan qada' dan qadar-nya. Orang pertama yang memunculkan pandangan ini ialah Jahm b. Shafwān (128 H). al-Būṭī (2004), *al-Insān Musayyar am Mukhayyar*, h. 14. Dalam istilah inggrisnya, faham ini dikenali dengan nama *Fatalism* atau *Predestination*. Lihat Harun Nasution (1983), *Teologi Islam*, h. 31.

manusia pun mereka ibaratkan seperti gerakan pepohonan ketika ditiup angin dan juga seperti gerakan ombak di lautan.⁷⁹

2.2.3 Penyusunan Kitab

Kitab ini tersusun daripada mukaddimah dan beberapa bab yang di dalamnya mengandungi beberapa *faṣl*. Meskipun dalam muqadimah kitab disebutkan bahawa buku ini mengandungi 30 bab dengan 30 tajuk besar. Namun demikian, menurut penyelidikan yang dilakukan penulis terhadap isi kandungan kitab dalam beberapa edisi kitab *shifā'* yang dijumpai, ia hanya mengandungi 29 bab dengan 29 tajuk besar sahaja.

Adapun perincian nama bab yang tertulis di dalam beberapa edisi dalam kitab ini ialah sebagai berikut:

Bab I : Mengenai penentuan takdir sebelum penciptaan langit dan bumi

Bab II : Mengenai penentuan takdir Rabb Ta'ālā berkenaan dengan kesengsaraan, kebahagiaan, rezeki, ajal dan amal hamba-hamba-Nya sebelum penciptaan mereka, yang merupakan takdir kedua setelah takdir pertama

Bab III : Mengenai *iḥtijāj* (perdebatan) Ādam dan Mūsā dalam masalah takdir, dan hukum Nabi berkenaan dengan *iḥtijāj* Nabi Ādam

Bab IV : Mengenai takdir ketiga, iaitu ketika janin masih berada dalam perut ibunya

Bab V : Mengenai takdir keempat, iaitu lailah al-Qadar

Bab VI : Mengenai takdir kelima, iaitu tentang kesaharian

Bab VII : Mengenai penetapan kesengsaraan dan kebahagiaan lebih awal tidak menuntut ditinggalkannya amal, tetapi diwajibkan untuk berusaha keras kerana takdir yang ditetapkan melalui adanya beberapa sebab

⁷⁹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *Shifā'*, h. 3.

Bab VIII : Mengenai Firman Allāh yang berbunyi: “*Bahwasannya orang-orang yang telah ada untuk mereka ketetapan yang baik dari Kami, mereka itu dijauhkan dari neraka*” (Sūrah al-Anbiyā’ 21: 110)

Bab IX : Mengenai Firman Allāh yang berbunyi: “*Sesungguhnya Kami menciptakan segala sesuatu menurut ukuran.*” (Sūrah al-Qamar 54: 49)

Bab X : Mengenai peringkat qada’ dan qadar, orang yang beriman kepadanya berarti telah beriman kepada qadar, dan ini merupakan peringkat pertama

Bab XI : Mengenai peringkat kedua qada’ dan qadar, iaitu peringkat penulisan

Bab XII : Mengenai peringkat ketiga, iaitu peringkat kehendak

Bab XIII : Mengenai peringkat keempat, iaitu peringkat penciptaan amal

Bab XIV : Mengenai peringkat petunjuk dan kesesatan

Bab XV : Mengenai *al-Ṭab’, al-Khatm, al-Qufl, al-Ghall, al-Sadd, al-Ghishāwah* dan sebagainya yang kesemua itu adalah ciptaan Allāh

Bab XVI : Mengenai kemandirian Allāh dalam menciptakan zat, sifat dan perbuatan

Bab XVII : Mengenai *al-Kasb* dan *al-Jabr* serta erti keduanya menurut bahasa dan istilah

Bab XVIII : Mengenai penyebutan kata *fa’ala (fi’il)* dan *infa’ala (infi’āl)* dalam masalah qada’ dan qadar

Bab XIX : Mengenai dialog antara fahaman Jabariyah dan fahaman Sunni

Bab XX : Mengenai dialog antara fahaman Qadariyah dan fahaman Sunni

Bab XXI : Mengenai kesucian qada’ Tuhan dari sebarang keburukan

Bab XII : Mengenai dakwaan orang-orang yang menafikan hikmah serta jawapan terperinci ke atasnya.

Bab XXIV : Mengenai erti perkataan ulama salaf dalam masalah keimanan terhadap qadar, baik dan buruknya serta pahit dan manisnya

Bab XXV : Mengenai penjelasan tentang kesalahan pendapat orang yang menyatakan bahawa Rabb Ta‘ālā menghendaki dan berbuat kejahatan, berikut dalil larangannya secara tegas

Bab XXVI : Mengenai hadith Rasulullah s.a.w yang berbunyi “*Aku berlindung kepada keredaan-Mu dari kemurkaan-Mu dan aku berlindung kepada ampunan-Mu dari siksaan-Mu dan aku berlindung kepada-Mu dari diri-Mu.*” Berkaitan dengan penegasan takdir dan pelbagai rahsia yang terkandung di dalamnya

Bab XXVII : Mengenai masuknya iman terhadap qada’, qadar, keadilan, tawhid dan hikmah dalam sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi “*Hukum-Mu berlaku untukku dan takdir-Mu berlaku adil atas diriku.*”

Bab XXVIII : Mengenai keridaan terhadap takdir dan perbezaan pendapat mengenai hal itu

Bab XXIX : Mengenai pembahagian qada’, qadar, hikmah, kehendak, ketetapan, perintah, izin, penciptaan, kalimat, kebangkitan, pengutusan dan pengharaman kepada *kawnī* yang berkaitan dengan ciptaan-Nya dan *dīnī* yang berkaitan dengan perintah-Nya

Bab XXX : Mengenai fitrah awal dan maknanya serta perbezaan pendapat mengenai maksudnya, bahawa ia tidak menafikan takdir kesengsaraan dan kesesatan.

2.2.4 Kandungan Kitab Secara Umum

Sepertimana yang dijelaskan sebelumnya, kitab ini tersusun daripada mukadimah dan beberapa bab yang memuat di dalamnya beberapa *faṣl*.

Dalam mukadimah kitab *Shifā’*, Ibn al-Qayyim menghuraikan mengenai pentingnya perbahasan mengenai qada’ qadar serta hikmah dan *ta’līl* di sebalik ciptaan-Nya. Seterusnya, beliau menerangkan kesalahan sebahagian besar umat Islam dalam memahami keadilan Tuhan yang berkaitan dengan qada’ dan qadarnya, khususnya

kumpulan Qadariyah dan Jabariyah.⁸⁰ Sebagai penutup dari mukadimahya, beliau berpesan supaya pembaca tidak tergesa-gesa menolak sesuatu di dalam kitab ini yang belum diketahui sebabnya. Selain daripada itu, beliau pula berharap tulisan ini dapat mendatangkan manfaat bagi para pembaca.⁸¹

Pada bahagian awal kitab iaitu mulai dari bab ke-1 hingga bab ke-9, beliau memfokuskan perbincangan mengenai peringkat penetapan takdir yang beliau bahagikan menjadi lima peringkat penetapan takdir. Selain menghuraikan secara detail peringkat penetapan takdir yang lima, beliau juga membincangkan mengenai isu-isu yang berkembang di dalamnya seperti isu berkaitan *ihtijāj* manusia terhadap Takdir Allāh⁸² dan isu takdir awal yang tidak menuntut ditinggalkan amal.⁸³

Menerusi bab ke-10 hingga bab ke-13, Ibn al-Qayyim membincangkan mengenai tahapan-tahapan iman terhadap qada' dan qadar yang dimulai dari perbincangan mengenai tahapan ilmu Allāh yang meliputi segala sesuatu sebelum penciptaan, lalu beralih kepada tahapan penulisan takdir di dalam *Umm al-Kitāb (Lawḥ al-Mahfūz)*, kemudian tahapan kehendak Allāh, dan terakhir penciptaan perbuatan itu sendiri.⁸⁴ Dalam membahaskan tahapan-tahapan yang empat ini pula Ibn al-Qayyim menghuraikan pelbagai pendapat dan pandangan dari para ulama, serta memberikan penekanan pada pendapat yang dianggap benar. Dalam bab ini beliau mematahkan hujah golongan Qadariyah yang menafikan ilmu dan kehendak Allāh terhadap perbuatan manusia. Begitu juga pandangan Jabariyah yang menisbahkan seluruh perbuatan manusia kepada Allāh.

Selanjutnya pada bab ke-14 hingga ke-16 perbincangan buku ini pun beralih kepada masalah petunjuk dan kesesatan, yang menurut Ibn al-Qayyim merupakan salah

⁸⁰ *Ibid*, h. 3-4.

⁸¹ *Ibid*, h. 5-6.

⁸² Isu berkaitan dengan *ihtijāj* manusia terhadap takdir Allāh, beliau bincangkan pada muka surat 13-19.

⁸³ Isu berkaitan dengan penetapan takdir lebih awal yang tidak menuntut ditinggalkan amal, beliau bincangkan pada muka surat 24-26.

⁸⁴ *Ibid*, h. 29-65.

satu masalah inti dari permasalahan mengenai takdir. Perbincangan mengenai petunjuk (hidayah) berdasarkan al-Qur'an dalam bab ini beliau bahagikan menjadi empat. Dan setiap bahagian-nya beliau bahaskan dengan sangat rinci dengan disokong contoh-contoh serta fakta-fakta yang jelas dan tepat, khususnya ketika beliau membincangkan hidayah Allāh yang diberikan kepada haiwan, dimana beliau menjelaskan satu persatu hidayah Allāh kepada pelbagai jenis haiwan seperti lebah, semut, burung hud-hud, burung merpati dan sebagainya.⁸⁵

Manakala mengenai kesesatan, beliau menjelaskan pembahagiannya sesuai dengan istilah-istilah yang disebutkan di dalam al-Qur'an, seperti: *al-Ṭab'*, *al-Qufl*, *al-Sadd*, *al-Ghishāwah* dan lain sebagainya dan menyatakan bahawa ia merupakan ciptaan Allāh serta menolak dengan tegas pendapat golongan Qadariyah dan Jabariyah mengenainya.⁸⁶

Seterusnya dalam bab ke- 17 dan 18, Ibn al-Qayyim menghuraikan mengenai *al-Kasb*, *al-Jabr*, *Fi'il* dan *Infi'āl* berkaitan dengan masalah qada' dan qadar, baik secara istilah mahupun bahasa, serta perbezaan pendapat mengenai *af'āl 'ibād*.⁸⁷ Pada dua bab seterusnya beliau menghuraikan dengan bahasa yang menarik dialog antara faham Jabariyah, Qadariyah dan Sunni berkenaan dengan qada' dan qadar khususnya *af'āl 'ibād* (perbuatan manusia).⁸⁸

Bahagian akhir dalam kitab ini, iaitu bab ke-21 dan seterusnya menfokuskan perbincangan mengenai penetapan hikmah dan *ta'līl* Allāh atas semua ciptaan-Nya. Diawali dari perbincangan mengenai kesucian takdir Allāh dari pelbagai keburukan dan kejahatan, kemudian jawapan-jawapan beliau atas dakwaan orang yang menafikan hikmah di sebalik ciptaan Allāh, hingga penjelasan mengenai beberapa hadith

⁸⁵ *Ibid*, h. 65-84.

⁸⁶ *Ibid*, h. 85-109.

⁸⁷ *Ibid*, h. 110-134.

⁸⁸ *Ibid*, h. 139-178.

Rasulullah s.a.w yang berkaitan dengan keadilan takdir Allāh Ta‘ālā dikemukakan⁸⁹ dan ditutup dengan perbincangan mengenai fitrah awal manusia, berserta perbezaan pendapat mengenainya.⁹⁰

2.2.5 Metodologi Penulisan Kitab

Seperti yang telah diketahui bahawa pengkajian metodologi penulisan kitab seorang tokoh merupakan suatu perkara yang amat penting bagi sebuah penyelidikan ilmiah. Ia memainkan peranan dalam proses menyampaikan maklumat dengan lebih tepat dan bersistem. Melaluinya juga, sesuatu hasil kajian dapat dinilai mutu dan kualitinya.

Menerusi disertasi ini, penulis berusaha meneliti dan mengenal pasti metode yang diaplikasikan oleh Ibn al-Qayyim dalam kitab *Shifā’ al-‘Alīl fī Masā’il al-Qadā’ wa al-Qadar*. Antara metode yang digunakan ialah:

- a. Memulakan kitabnya dengan mukadimah yang dimulai dengan basmalah, pujian kepada Allāh dan salawat kepada Rasulullah s.a.w, keluarga dan para sahabatnya.⁹¹
- b. Dalam mukadimah kitabnya ini beliau menjelaskan latar belakang serta tujuan penulisan kitab yang beliau bagi dalam beberapa *faṣl*.⁹²
- c. Dalam menghuraikan perbincangan di dalam kitabnya, Ibn al-Qayyim menggunakan metode pendalilan dari al-Qur’an beserta dengan tafsiran ayat yang merujuk kepada beberapa pendapat para ulama salaf dan yang datang setelah mereka. Sebagai contoh, ketika beliau menghuraikan perbincangan mengenai takrif *al-Rān*, berdasarkan sūrah al-Muṭaffifin ayat 14. Beliau mengemukakan pendapat para ulama tafsir seperti: Abū ‘Ubādah, Abū Mu‘ādh

⁸⁹ *Ibid*, h. 179-272.

⁹⁰ *Ibid*, h. 283-307.

⁹¹ *Ibid*, h. 2.

⁹² *Ibid*, h. 1-5.

al-Nahwī, al-Farrā’, Abū Ishāq, Mujāhid dan Muqātil berkenaan dengan makna *al-Rān* yang disebutkan.⁹³

Di samping itu, ketika mengemukakan ayat-ayat al-Qur’an, beliau tidak menyalin secara lengkap ayat tersebut, tetapi hanya memfokuskan kepada sebahagian ayat yang berkait dengan permasalahan yang dibincangkan. Sebagai contoh, ketika beliau membincangkan mengenai buruknya *ihtijāj* orang-orang musyrik terhadap takdir, beliau mengemukakan sebahagian ayat dalam sūrah al-An‘ām ayat 148, yang berbunyi, “*Jika Allāh menghendaki, niscaya kami dan bapak-bapak kami tidak mempersekutukannya.*”⁹⁴

Beliau juga ada mengemukakan sebab penurunan sesuatu ayat sebagaimana yang dapat dilihat ketika beliau membahaskan bab kedelapan mengenai firman Allāh dalam sūrah al-Anbiyā’ ayat 10, iaitu mengenai orang-orang yang telah ada untuk mereka ketetapan (takdir) yang baik dari Allāh.⁹⁵ Terakhir, dalam penulisan ayat-ayat al-Qur’an, beliau tidak menyatakan nama sūrah dan nombor ayat.

- d. Menggunakan metode pendalilah dari hadith. Dalam kebanyakan hadith yang dikemukakan, didapati beliau mencantumkan sanad hadith, matan, perawi serta nama kitab tanpa menyebutkan darjat hadith. Sebagai contoh, hadith dari ‘Abd Allāh b. ‘Amr b. Āṣ ia berkata, “Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda... dan seterusnya” Hadith riwayat Muslim dalam kitab *Ṣaḥīḥ*-nya.⁹⁶

Selain daripada itu, kadang kala, beliau turut pula mencantumkan ulasan darjat hadith yang digunakan, sebagai contoh: dari Ṣuffī al-Ashbahī dari ‘Abd Allāh b. ‘Amr, ia bercerita, “Rasulullah pernah keluar rumah... dan seterusnya.” Hadith ini diriwayatkan oleh Tirmidhī dari Qutaybah dari Layth Abū Qubaylī

⁹³ *Ibid*, h. 94.

⁹⁴ *Ibid*, h. 18.

⁹⁵ *Ibid*, h. 26.

⁹⁶ *Ibid*, h. 6.

dan dari Qutaybah dari Bkr b. Naṣr dari Abū Qubaylī. Tirmidhī berkata, “Hadith ini *ḥasan ṣaḥīḥ gharīb*.⁹⁷

- e. Menggunakan kaedah *tarjīḥ* (menentukan pandangan mana yang lebih tepat berdasarkan beberapa pendapat yang dikemukakan). Perkara seperti ini tampak jelas ketika beliau membahaskan mengenai ketetapan takdir lebih awal yang dibicarakan dalam ayat al-Qur’an, “*Kalau sekiranya tidak ada ketetapan yang telah terdahulu dari Allāh, niscaya kalian ditimpa siksa yang besar karena tebusan yang kalian ambil.*” (Sūrah al-Anfāl 8: 68). Beliau mengemukakan perbezaan pendapat sebahagian ulama tafsir mengenai takdir lebih awal, kemudian pada pendapat terakhir beliau menuliskan, “Dan terakhir ada pula yang berkata, dan menurut kami (Ibn al-Qayyim) inilah yang lebih tepat....”⁹⁸
- f. Menggunakan gaya bahasa berbentuk dialog (*munāẓarah*). Ia dapat kita semak dengan jelas ketika beliau membincangkan beberapa bab khusus berkenaan dengan hal itu, iaitu pada bab yang bertajuk, “Dialog Antara Jabari dan Sunni”,⁹⁹ “Dialog Antara Qadari dan Sunni”,¹⁰⁰ dan bab yang bertajuk “*Fī Ishtifāḥ Shibh Nufāt al-Ḥikmah wa Dhikr al-Ajwibah al-Mufaṣṣalah ‘Anhā* (Menjawab Dakwaan orang yang Menafikan Hikmah)”¹⁰¹

Dari kajian metodologi di atas pengkaji dapat menyimpulkan bahawa salah satu keunggulan dalam penulisan kitab ini yang menunjukkan keluasan ilmu Ibn al-Qayyim dalam bidang akidah ialah, bahawa kebanyakan perbahasan dalam kitab ini, dalam upaya untuk memberikan penjelasan yang diinginkan, beliau menampilkan pelbagai pendapat para ulama khususnya ulama dari kalangan salaf dan orang-orang yang datang setelah mereka, berkenaan dengan isu-isu yang dibahaskan.

⁹⁷ *Ibid*, h. 9.

⁹⁸ *Ibid*, h. 28.

⁹⁹ *Ibid*, h. 139-152.

¹⁰⁰ *Ibid*, h. 152-187.

¹⁰¹ *Ibid*, h. 206-268.

Di samping itu, pentafsiran ayat al-Qur'an dan penjelasan hadits yang dijadikan dalil dalam membahaskan permasalahan dalam kitab ini begitu detil dan mendalam yang menunjukkan kepakaran beliau dalam bidang al-Qur'an (khususnya ilmu tafsir) dan hadits. Di tambah lagi gaya bahasa yang digunakan yaitu dialog dan soal jawab, turut pula menambah nilai dan keistimewaan buku ini, sehingga pesan yang hendak disampaikan penulis dalam kitabnya pun dengan mudah dapat difahami oleh para pembaca.

2.2.6 Beberapa Pemerhatian Terhadap Metodologi Penulisan Kitab dan Kandungan Kitab

Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan penulis terhadap metodologi penulisan kitab dan kandungannya dapatlah diketahui bahawa metode penulisan Ibn al-Qayyim dalam kitab *Shifā'* memiliki kesamaan dengan metode penulisan kitab para ulama akidah pada umumnya, seperti: memulakan kitab dengan muqaddimah, membahagikan kitabnya kepada bab dan *faṣl*, menggunakan metode pendalilan daripada al-Qur'an, hadits dan pendapat para ulama, serta menghuraikan pandangan beberapa kumpulan berkaitan konsep qada dan qadar serta isu-isu yang dibahaskan di dalamnya dan mentarjih pendapat yang paling tepat. Sepanjang meneliti teks-teks yang berkaitan dalam kajian, nama-nama besar ulama yang dirujuk, di antaranya ialah Ibn Taymiyyah, al-Harawī dan al-Wāsiṭī, manakala nama-nama ilmuwan bidang akidah yang lain khususnya mazhab Ash'ariyyah dan Māturīdiyyah tidak dinukilkan.

Manakala kandungan kitab dalam kitab *Shifā'*, penulis juga mendapati bahawa sebahagian perbahasan yang dikemukakan Ibn al-Qayyim turut juga dikemukakan para ulama akidah yang dinyatakan di atas, seperti: perbahasan mengenai peringkat penetapan takdir, tahapan iman kepada qada' dan qadar, perbahasan mengenai *af'āl 'ibād*, (kehendak) *irādah* Allāh dan kehendak (*irādah*) manusia dan sebagainya. Hal

berbeza yang dijumpai penulis ialah, bahawa huraian Ibn al-Qayyim mengenai permasalahan qada' dan qadar yang dibincangkan dalam kitab *Shifā'* lebih dalam dan lebih fokus. Ini dapat dilihat ketika beliau membahaskan mengenai hidayah Allāh yang diberikan kepada pelbagai jenis haiwan, begitu juga huraian beliau mengenai bentuk-bentuk *al-Dalāl* (kesesatan) yang terdapat di dalam al-Qur'an, serta jawapan-jawapan yang beliau kemukakan dalam menjawab dakwaan beberapa kumpulan mengenai isu-isu yang dibahaskan dalam qada' dan qadar.

2.3 Kesimpulan

Daripada kajian mengenai riwayat hidup Ibn al-Qayyim serta pengenalan terhadap kitab *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qaḍā' wa al-Qadar*, dapatlah penulis simpulkan bahawa Ibn al-Qayyim merupakan sosok ulama yang berkualiti, berilmu luas, berfikir cermat serta berakhlak mulia. Manakala kitabnya yang bertajuk *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qaḍā' wa al-Qadar* merupakan kitab akidah sangat bernilai dan perlu diambil manfaatnya, terutama dalam membahaskan mengenai persoalan qada' dan qadar serta isu-isu yang berkaitan dengannya.